

ANALISIS KUALITI PENGHASILAN TUGASAN BERLAPORAN DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI SELANDAR

ANALYSIS OF THE QUALITY OF REPORT-BASED ASSIGNMENT PRODUCTION AMONG SELANDAR COMMUNITY COLLEGE STUDENTS

Md Hidayat bin Abd Jalil¹

¹ Kolej Komuniti Selandar
(email – mdhidayat@kkselandar.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Abd Jalil, M. H (2025). Analisis kualiti penghasilan tugas berlaporan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Selandar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 393 - 402.

Abstrak: Tugas berlaporan merupakan salah satu komponen pentaksiran autentik yang digunakan bagi menilai tahap kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik serta keupayaan mereka dalam menyampaikan maklumat secara teratur, analitik dan sistematik. Namun, kajian awal mendapati terdapat pelbagai kelemahan dalam aspek penghasilan laporan, termasuk dari segi struktur penulisan, ketepatan kandungan, gaya bahasa dan pematuhan kepada format akademik yang ditetapkan. Justeru, Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kualiti penghasilan tugas berlaporan dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Selandar. Kaedah kuantitatif digunakan menerusi edaran soal selidik kepada pelajar daripada pelbagai program pengajian sebagai instrumen pengumpulan data. Berdasarkan hasil analisis data daripada 217 responden pelajar Kolej Komuniti Selandar, didapati tahap kualiti penghasilan tugas berlaporan secara keseluruhan adalah tinggi. Namun, terdapat beberapa bahagian yang menunjukkan ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek pengurusan masa dan pemantapan kefahaman pelajar terhadap pematuhan format akademik secara lebih sistematik.. Kajian ini mencadangkan beberapa strategi seperti pelaksanaan bengkel penulisan akademik secara berkala, penyediaan templat dan panduan tugas yang jelas, serta pengukuhan peranan pensyarah dalam penyeliaan. Kesimpulannya, penemuan kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan mutu pelaksanaan penulisan tugas berlaporan serta menyokong usaha berterusan dalam memperkasakan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi ini

Kata Kunci: Kualiti Penulisan, Tugas Berlaporan, Pelajar Kolej Komuniti, Penulisan Akademik, Bimbingan Pensyarah, Pentaksiran Autentik

Abstract: This study aims to analyze the quality level of report-based assignment production among students at Selandar Community College. Report-based assignments are one of the components of authentic assessment used to evaluate students' understanding of a topic as well as their ability to convey information in an organized, analytical, and systematic manner. However, preliminary findings indicate various weaknesses in report writing, including structure, content accuracy, language style, and adherence to prescribed academic formatting. Therefore, This study aims to analyze the quality level of report-based assignment production among students at Selandar Community College. A quantitative approach was employed

through the distribution of questionnaires to students from various academic programs as a data collection instrument. Based on the data analysis from 217 respondents among Kolej Komuniti Selandar students, it was found that the overall quality of report assignment production is high. However, there are several areas that show room for improvement, particularly in terms of time management and strengthening students' understanding of systematic compliance with academic formatting. The study proposes several strategies such as the regular implementation of academic writing workshops, the provision of clear assignment templates and guidelines, and strengthening the role of lecturers in supervision. In conclusion, the findings of this study are expected to help enhance the quality of report-based writing assignments and support ongoing efforts to improve the overall quality of teaching and learning at the institution.

Keywords: *Writing Quality, Report-Based Assignments, Community College Students, Academic Writing, Lecturer Guidance, Authentic Assessment*

Pengenalan

Penghasilan tugas berbentuk laporan merupakan satu elemen penting dalam proses penilaian akademik di institusi pengajian tinggi. Ia bukan sekadar menilai pengetahuan pelajar terhadap sesuatu subjek, malah menjadi cerminan kepada tahap kemahiran pelajar dalam menyusun maklumat secara sistematik, membuat analisis, mengemukakan hujah berlandaskan fakta, serta mematuhi piawaian etika penulisan ilmiah. Tugas ini juga membantu dalam melatih pelajar berfikir secara kritikal dan kreatif, selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Dalam konteks pendidikan tinggi masa kini, penilaian berasaskan tugas semakin diberi keutamaan sebagai pendekatan pentaksiran yang autentik dan holistik. Tugas berlaporan merupakan salah satu bentuk penilaian penting yang bukan sahaja menguji kefahaman pelajar terhadap kandungan pembelajaran, malah menilai keupayaan mereka dalam menyusun idea, menganalisis maklumat, serta menyampaikan dapatan secara berstruktur dan beretika akademik. Laporan yang baik seharusnya memenuhi elemen-elemen penting seperti pengenalan yang jelas, isi kandungan yang tersusun, penggunaan bahasa yang tepat, serta pematuhan kepada gaya dan format penulisan yang ditetapkan oleh institusi.

Latar Belakang Kajian

Di peringkat Kolej Komuniti, amalan penulisan tugas berlaporan menjadi medium penting dalam membentuk kemahiran literasi akademik pelajar, khususnya mereka yang datang daripada latar belakang akademik yang pelbagai. Namun, terdapat cabaran besar dalam memastikan semua pelajar mampu menghasilkan laporan yang memenuhi piawaian akademik. Kajian oleh Hyland (2016) menunjukkan bahawa antara isu utama dalam kalangan pelajar TVET ialah kelemahan dalam aspek struktur penulisan, penggunaan bahasa formal dan teknik rujukan. Di Kolej Komuniti Selandar, pemerhatian awal mendapati wujud pelbagai mutu laporan pelajar yang tidak konsisten walaupun garis panduan penulisan telah disediakan. Kajian Sutherland-Smith (2008) mendedahkan terdapat ramai pelajar yang masih tidak memahami struktur laporan akademik yang standard seperti pengenalan, objektif, kaedah, dapatan dan perbincangan. Malah, terdapat juga laporan yang kurang dari segi kejelasan hujah, penggunaan fakta serta tidak menepati keperluan gaya penulisan ilmiah seperti APA atau MLA. Oleh itu, adalah penting untuk institusi seperti Kolej Komuniti Selandar melaksanakan satu kajian menyeluruh bagi mengenal pasti tahap semasa kualiti penghasilan tugas pelajar bagi membantu penambahbaikan kurikulum, pelaksanaan bengkel akademik dan penyusunan garis panduan penulisan yang lebih efektif dan mesra pelajar.

Pernyataan Masalah

Penulisan tugas akademik, khususnya berbentuk laporan, merupakan satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar institusi pengajian tinggi. Namun begitu timbul persoalan, sejauh mana pelajar di Kolej Komuniti Selandar boleh menulis laporan dengan baik. Ini kerana pada zaman teknologi dan Internet, di samping pembelajaran dalam kelas dan tunjuk ajar dari pensyarah, terdapat banyak sumber pelajar boleh rujuk untuk belajar penulisan laporan dengan baik termasuklah dengan bantuan kecerdasan buatan. Justeru itu, untuk menjawab persoalan ini, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Menilai tahap kualiti struktur penulisan laporan yang dihasilkan oleh pelajar Kolej Komuniti Selandar.
2. Menganalisis tahap penguasaan gaya bahasa dan tatabahasa akademik dalam tugas berlaporan pelajar.
3. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap pematuhan format penulisan akademik seperti penggunaan rujukan, penulisan objektif dan struktur standard.
4. Menilai tahap kemahiran pelajar dalam pengurusan masa semasa menyiapkan tugas berlaporan.
5. Mengenal pasti tahap sokongan dan bimbingan Pensyarah dalam menyediakan laporan pelajar.

Kajian ini dijangka adalah penting kerana dapat memberi gambaran jelas tentang tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran penulisan akademik, seterusnya menjadi asas kepada cadangan penambahbaikan dalam pengajaran dan bimbingan berkaitan penulisan laporan akademik. Seterusnya dapat memperkukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Selandar sejajar dengan aspirasi pendidikan tinggi negara untuk melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing, dan berkemahiran tinggi.

Sorotan Kajian

Penulisan akademik merupakan komponen penting dalam pengajian tinggi kerana ia membentuk asas kepada pemikiran kritikal, komunikasi ilmiah serta pemahaman mendalam terhadap sesuatu bidang ilmu (Hyland, 2016). Melalui tugas berlaporan, pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan ilmu secara praktikal dalam bentuk penulisan yang sistematik dan berpanduan format tertentu. Menurut Flowerdew (2015), penghasilan laporan akademik bukan sahaja melibatkan pemindahan ilmu, malah menuntut pelajar menyusun, menganalisis dan membuat sintesis maklumat secara analitik. Walau bagaimanapun, pelbagai kajian mendapati bahawa penulisan laporan dalam kalangan pelajar, khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi teknikal dan vokasional (TVET), masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kajian oleh Hyland (2016) menunjukkan bahawa pelajar TVET sering menghadapi kesukaran dalam struktur penulisan, pemilihan kata yang sesuai serta penggunaan rujukan yang betul. Keadaan ini turut disokong oleh Wingate (2012) yang menekankan bahawa kelemahan ini berpunca daripada kurangnya pendedahan kepada kemahiran penulisan akademik sejak peringkat awal pendidikan.

Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Wingate, U. (2012) menunjukkan bahawa kelemahan utama pelajar kolej komuniti dalam tugas bertulis ialah tidak memahami struktur laporan seperti pengenalan, objektif, kaedah dan perbincangan. Begitu juga dengan gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan akademik berbeza dengan bahasa harian, memerlukan disiplin penggunaan istilah teknikal, perbendaharaan kata formal dan pembinaan ayat yang kompleks (Hyland, 2018). Menurut Sutherland-Smith (2008), banyak laporan pelajar tidak mengandungi elemen penting seperti penomboran halaman, penggunaan tajuk kecil, sistem rujukan dan bibliografi. Ini disebabkan pelajar cenderung menyiapkan tugas pada saat akhir,

menyebabkan kualiti penulisan terjejas (Hyland, 2016). Selain itu, antara masalah ketara yang dikenal pasti termasuk penggunaan bahasa tidak formal, kurang kefahaman tentang struktur penulisan akademik dan kesilapan dalam rujukan serta sitasi (Flowerdew, 2015). Di samping itu, kelemahan dalam pengurusan masa dan kurangnya kesedaran terhadap kepentingan etika akademik turut menyumbang kepada rendahnya kualiti tugasan (Sutherland-Smith, W., 2008), Pelajar juga dilihat gagal mengenal pasti keperluan seperti penulisan objektif, pemilihan kaedah serta perbincangan yang berasaskan dapatan, sedangkan elemen-elemen ini adalah kunci kepada laporan akademik yang berkualiti (Hyland, 2018). Tambahan pula, kurangnya latihan penulisan dan bimbingan secara langsung daripada pensyarah memburukkan lagi keadaan ini (Wingate, 2012). Faktor lain yang turut menyumbang kepada permasalahan adalah penguasaan bahasa Melayu atau Inggeris yang tidak seragam, tahap literasi digital dalam kalangan pelajar kolej komuniti masih rendah (Ng, 2012; Hazaymeh, 2021).

Banyak kajian mencadangkan tambah baik dilakukan untuk membaiki kualiti penulisan laporan pelajar., Kajian oleh Donnelly et al. (2022) mencadangkan kerangka multimodal yang menggabungkan pembacaan, penulisan, dan semakan sebagai pendekatan holistik untuk meningkatkan kemahiran penulisan pelajar. Selain itu, kajian oleh Malecka et al. (2022) menekankan kepentingan maklum balas berasaskan teknologi dalam penulisan akademik. Owlia dan Aspinwall (1996) yang menyatakan bahawa penyampaian pendidikan berkualiti perlu berdasarkan kepada input, kandungan, pendekatan, kemudahan dan hasil. Menurut **Britton & Tesser, 1991**), pelajar boleh memperbaiki penulisan sekiranya merancang masa menghasilkan tugasan dengan tersusun. Kajian oleh **Nicol & Macfarlane-Dick (2006)** menunjukkan bahawa pensyarah yang memberi maklum balas terperinci serta menyemak draf pelajar secara berkala mampu meningkatkan kualiti tugasan secara signifikan. Namun begitu, kekangan masa dan beban kerja pensyarah sering menjadi halangan kepada bimbingan yang berkesan (**Elliott & Shin, 2002**). Menurut **Nicol & Macfarlane-Dick (2006)**, kualiti penulisan pelajar dapat ditingkatkan apabila wujudnya interaksi dan maklum balas berterusan daripada pensyarah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data utama. Pendekatan ini sesuai digunakan bagi mengumpulkan data secara sistematik untuk menganalisis tahap kualiti penghasilan tugasan berlaporan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya secara statistik (Creswell, 2014). Sebanyak 217 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian menggunakan teknik pensampelan sampel bertujuan (purposive sampling). Kajian ini dijalankan secara khusus di Kolej Komuniti Selandar, melibatkan 217 orang pelajar daripada empat program pengajian utama iaitu Sijil Landskap dan Perkebunan (SLP) – 31 pelajar, Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPU) – 89 pelajar, Sijil Teknologi Maklumat (STM) – 65 pelajar dan Sijil Perkhidmatan Pelancongan (SPP) – 32 pelajar. Soal selidik diedarkan secara dalam talian melalui Google Form dengan pertemuan bersama pelajar ketika sesi perjumpaan penasihat akademik. Pelajar dimaklumkan bahawa penyertaan adalah sukarela dan maklumat yang dikumpulkan adalah sulit dan hanya untuk tujuan kajian. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 20.0 untuk mendapatkan (1) nilai Skor Min dan Sisihan Piawai bagi menentukan tahap bagi setiap item dan bahagian, (2) analisis Deskriptif (frekuensi dan peratusan) untuk demografi dan taburan respon. Penentuan tahap skor min berdasarkan kategori Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.66) dan Tinggi (3.67-5.00). Instrumen kajian ialah soal selidik tertutup yang dibina berdasarkan lima bahagian utama berkaitan kualiti penghasilan tugasan berlaporan. Setiap bahagian mengandungi 5 item soalan dengan skala Likert 5 mata merangkumi bahagian berikut :

Bahagian A : Struktur Penulisan Laporan

1. Laporan saya mengandungi semua komponen utama seperti pengenalan, objektif, kaedah, dapatan dan kesimpulan.
2. Isi kandungan laporan saya disusun secara logik dan teratur.
3. Saya memahami format umum laporan akademik yang diminta oleh pensyarah.
4. Saya menyusun perenggan dengan baik, satu idea utama dalam setiap perenggan.
5. Saya menggunakan tajuk kecil/subtopik untuk membantu kefahaman pembaca.

Bahagian B : Gaya Bahasa dan Tatabahasa

1. Saya menulis laporan menggunakan bahasa yang formal dan sesuai dengan penulisan akademik.
2. Saya menyemak tatabahasa dan ejaan sebelum menghantar tugas.
3. Saya mengelakkan penggunaan bahasa pasar dalam tugas.
4. Saya menggunakan istilah teknikal yang tepat mengikut bidang pengajian.
5. Saya menulis ayat yang lengkap, jelas dan mudah difahami.

Bahagian C : Kefahaman Format Akademik

1. Saya memahami cara menulis rujukan mengikut format seperti APA/MLA.
2. Saya menggunakan sitasi dalam teks apabila merujuk sumber.
3. Saya menyenaraikan semua sumber rujukan dalam senarai bibliografi.
4. Saya mengelakkan perbuatan menyalin bulat-bulat dari internet tanpa rujukan.
5. Saya faham perbezaan antara laporan akademik dan karangan biasa.

Bahagian D : Pengurusan Masa

1. Saya mula menyiapkan tugas sebaik sahaja diberikan.
2. Saya membahagikan masa untuk setiap bahagian tugas (draf, semakan, penyerahan).
3. Saya tidak menyiapkan tugas pada saat akhir.
4. Saya menetapkan tarikh siap tugas lebih awal daripada tarikh akhir.
5. Saya menguruskan masa antara tugas dengan aktiviti lain secara seimbang.

Bahagian E : Sokongan dan Bimbingan Pensyarah

1. Pensyarah saya memberikan panduan jelas tentang struktur tugas.
2. Saya diberi contoh tugas lepas sebagai rujukan.
3. Pensyarah saya memberi maklum balas sebelum tarikh akhir tugas.
4. Saya berpeluang bertanya soalan tentang tugas dalam kelas atau secara peribadi.
5. Pensyarah saya menyemak draf tugas sebelum saya menghantar versi akhir.

Analisis dan Dapatan Kajian

Kajian ini menganalisis tahap kualiti penghasilan tugas berlaporan berdasarkan lima bahagian utama : struktur penulisan, gaya bahasa, pemahaman format akademik, pengurusan masa dan bimbingan pensyarah. Dapatan dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan ukuran skor min dan sisihan piawai, serta ditafsirkan mengikut tahap pencapaian

Analisis Bahagian A – Struktur Penulisan Laporan

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
A1	Laporan mengandungi semua komponen penting	4.15	0.71	Tinggi
A2	Isi kandungan tersusun secara logik	4.09	0.76	Tinggi
A3	Memahami format umum laporan akademik	4.01	0.83	Tinggi
A4	Penyusunan perenggan yang jelas	3.89	0.81	Tinggi

A5	Penggunaan tajuk kecil/subtopik	3.78	0.92	Tinggi
	Purata Keseluruhan	3.98	0.81	Tinggi

Dapatan menunjukkan pelajar memiliki penguasaan yang tinggi dalam struktur penulisan laporan, dengan purata keseluruhan min 3.98. Item yang menunjukkan skor tertinggi adalah keberadaan semua komponen laporan penting (min = 4.15), mencerminkan kefahaman asas pelajar terhadap elemen wajib laporan akademik. Namun begitu, skor terendah diperoleh pada aspek penggunaan tajuk kecil/subtopik (min = 3.78), yang mencadangkan bahawa sebilangan pelajar masih belum jelas tentang teknik memperincikan isi kandungan. Keadaan ini memberi isyarat perlunya latihan lanjutan dalam struktur penulisan teknikal yang lebih sistematik. Secara keseluruhan, dimensi ini menunjukkan bahawa asas penulisan telah kukuh, tetapi memerlukan pengukuhan pada aspek pengolahan isi.

Analisis Bahagian B – Gaya Bahasa dan Tatabahasa

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1	Penggunaan bahasa formal	4.11	0.73	Tinggi
B2	Menyemak tatabahasa sebelum hantar	3.96	0.85	Tinggi
B3	Elakkan bahasa pasar	4.09	0.80	Tinggi
B4	Guna istilah teknikal yang tepat	3.91	0.90	Tinggi
B5	Ayat lengkap dan mudah difahami	4.02	0.79	Tinggi
	Purata Keseluruhan	4.02	0.81	Tinggi

Analisis menunjukkan bahawa pelajar menunjukkan penguasaan yang tinggi dalam aspek gaya bahasa dan tatabahasa, dengan min purata 4.02. Penggunaan bahasa formal mencatatkan skor tertinggi (min = 4.11), menandakan kesedaran pelajar terhadap kepentingan gaya penulisan akademik yang profesional. Namun, terdapat variasi kecil dalam amalan menyemak tatabahasa dan penggunaan istilah teknikal, walaupun tahap keseluruhannya masih tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai asas yang baik, tetapi mungkin kurang konsisten dari segi kualiti akhir penulisan. Oleh itu, sokongan dalam bentuk semakan sendiri atau penggunaan aplikasi bantu seperti pemeriksa tatabahasa boleh membantu.

Analisis Bahagian C – Kefahaman Format Akademik

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1	Faham format rujukan seperti APA	3.81	0.94	Tinggi
C2	Gunakan sitasi dalam teks	3.72	0.96	Tinggi
C3	Senaraikan sumber dalam bibliografi	3.85	0.87	Tinggi
C4	Elakkan plagiarisme	4.03	0.76	Tinggi
C5	Faham beza karangan dan laporan	3.77	0.89	Tinggi
	Purata Keseluruhan	3.84	0.88	Tinggi

Secara keseluruhan, kefahaman pelajar terhadap format akademik berada pada tahap tinggi dengan skor purata 3.84. Pelajar menunjukkan pemahaman yang baik dalam elakkan plagiarisme (min = 4.03) dan menyenaraikan bibliografi (min = 3.85), yang merupakan petunjuk positif terhadap kesedaran etika akademik. Walau bagaimanapun, aspek seperti penggunaan sitasi dalam teks (min = 3.72) serta pemahaman perbezaan antara karangan dan laporan (min = 3.77) memerlukan perhatian lanjut. Ini mungkin menunjukkan keperluan untuk pengukuhan dalam latihan sitasi dan pemahaman format laporan secara praktikal. Latihan bersasar tentang gaya rujukan seperti APA boleh membantu meningkatkan ketekalan aplikasi.

Analisis Bahagian D – Pengurusan Masa

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
D1	Mula tugas awal	3.65	0.93	Sederhana
D2	Bahagi masa ikut fasa kerja	3.73	0.87	Tinggi
D3	Elak buat saat akhir	3.51	1.02	Sederhana
D4	Siap sebelum tarikh akhir	3.67	0.91	Tinggi
D5	Seimbangkan masa belajar dan tugas	3.70	0.85	Tinggi
Purata Keseluruhan		3.65	0.92	Sederhana

Dimensi ini mencatatkan skor purata yang paling rendah (3.65), menunjukkan tahap pengurusan masa pelajar berada pada tahap sederhana. Skor terendah diperoleh pada item berkaitan penangguhan kerja (min = 3.51), yang mengesahkan bahawa pelajar cenderung menyiapkan tugas pada saat akhir. Walaupun pelajar dilihat cuba membahagikan masa dan menyiapkan tugas sebelum tarikh akhir, kemahiran ini masih belum mantap. Keadaan ini menimbulkan implikasi terhadap kualiti akhir tugas yang mungkin tergesa-gesa atau tidak lengkap. Maka, program pembangunan kemahiran pengurusan masa boleh dijadikan sebahagian daripada aktiviti kemahiran insaniah pelajar.

Analisis Bahagian E – Sokongan dan Bimbingan Pensyarah

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
E1	Panduan struktur tugas diberi	4.22	0.69	Tinggi
E2	Contoh tugas lepas diberi	4.11	0.77	Tinggi
E3	Maklum balas sebelum tarikh akhir	3.89	0.82	Tinggi
E4	Peluang bertanya kepada pensyarah	4.05	0.74	Tinggi
E5	Pensyarah semak draf awal	3.78	0.86	Tinggi
Purata Keseluruhan		4.01	0.78	Tinggi

Pelajar menilai tahap sokongan dan bimbingan pensyarah sebagai tinggi, dengan skor purata keseluruhan 4.01. Pemberian panduan struktur tugas (min = 4.22) dan contoh tugas (min = 4.11) menunjukkan peranan aktif pensyarah dalam membimbing. Namun, semakan draf awal oleh pensyarah (min = 3.78) masih belum dilaksanakan secara menyeluruh atau konsisten. Hal ini mungkin berpunca daripada kekangan masa atau beban kerja pensyarah yang tinggi. Meningkatkan amalan maklum balas berterusan berpotensi meningkatkan kualiti akhir laporan yang dihasilkan pelajar.

Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan hasil analisis data daripada 217 responden pelajar Kolej Komuniti Selandar, didapati tahap kualiti penghasilan tugas berlaporan secara keseluruhan adalah **tinggi**. Namun, terdapat beberapa bahagian yang menunjukkan ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek pengurusan masa dan pematapan kefahaman pelajar terhadap pematuan format akademik secara lebih sistematik. Justeru, cadangan penambahbaikan berikut dikemukakan berdasarkan lima bahagian utama kajian :

Struktur Penulisan Laporan.

Walaupun struktur laporan pelajar menunjukkan tahap penguasaan tinggi, aspek penggunaan tajuk kecil dan pembahagian isi masih boleh ditingkatkan. Maka, dicadangkan :

1. Penyediaan modul penulisan laporan akademik berasaskan program, lengkap dengan contoh laporan sebenar mengikut bidang masing-masing.

2. Pelaksanaan bengkel penulisan akademik secara berkala, khusus untuk latihan penyusunan perenggan dan penggunaan tajuk kecil yang jelas.
3. Pembangunan rubrik penilaian laporan yang diselaraskan antara semua program sebagai panduan kepada pelajar dan pensyarah.

Gaya Bahasa dan Tatabahasa.

Skor min yang tinggi dalam bahagian ini mencerminkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan penggunaan bahasa formal. Namun begitu, kesilapan tatabahasa dan penggunaan istilah yang kurang tepat masih wujud. Dicadangkan :

1. Penggunaan perisian semakan tatabahasa (contoh: Grammarly atau LanguageTool) sebagai alat sokongan semasa menyiapkan tugas.
2. Kolaborasi dengan pensyarah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam memberi penekanan terhadap struktur ayat dan penggunaan istilah teknikal yang betul.
3. Penyediaan senarai semak sendiri (self-checklist) untuk semakan akhir sebelum penghantaran tugas.

Kefahaman Format Akademik.

Kefahaman pelajar terhadap rujukan, sitasi, dan pematuhan gaya akademik berada pada tahap tinggi tetapi masih belum konsisten. Oleh itu dicadangkan :

1. Latihan berkala tentang gaya rujukan seperti APA atau MLA perlu dijadikan aktiviti rutin dalam minggu awal semester.
2. Penyediaan templat laporan lengkap yang telah ditetapkan format dan gaya penulisan bagi setiap program.
3. Pemantauan amalan anti-plagiat melalui penggunaan perisian seperti Turnitin atau Quetext, disertai latihan mengenal pasti dan mengelak plagiarisme.

Pengurusan Masa.

Bahagian ini mencatatkan skor purata sederhana, menunjukkan pelajar masih menghadapi kesukaran dalam menyusun masa secara berkesan. Antara cadangan ialah:

1. Penerapan latihan pengurusan masa dan perancangan kerja projek dalam kursus Kemahiran Insaniah.
2. Penyusunan tarikh penyerahan tugas secara berperingkat, supaya pelajar dapat fokus kepada satu tugas pada satu masa.
3. Galakan penggunaan alat pengurusan masa digital seperti Google Calendar, Notion, atau Trello untuk merancang kerja.

Sokongan dan Bimbingan Pensyarah.

Bimbingan pensyarah secara keseluruhan berada pada tahap baik. Namun, maklum balas awal dan semakan draf masih boleh ditambah baik. Maka, disyorkan:

1. Sesi penyemakan draf awal dijadualkan secara rasmi dalam takwim kursus setiap semester.
2. Peningkatan budaya maklum balas dua hala antara pensyarah dan pelajar melalui Google Doc, WhatsApp, Telegram atau platform e-pembelajaran.
3. Latihan kepada pensyarah berkaitan strategi bimbingan berkesan dalam penulisan akademik melalui bengkel dalaman kolej.

Kesimpulannya, pelaksanaan strategi penambahbaikan yang menyeluruh dan berfokus ini diyakini dapat membantu meningkatkan lagi tahap penghasilan tugas berlaporan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Selandar. Intervensi yang dicadangkan turut menyokong

usaha berterusan kolej dalam memperkasakan budaya akademik serta melahirkan graduan yang berkualiti dan kompeten.

Kesimpulan

Kajian ini telah memberi gambaran menyeluruh terhadap tahap kualiti penghasilan tugas berlaporan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Selandar. Melalui analisis ke atas lima bahagian utama – struktur penulisan laporan, gaya bahasa dan tatabahasa, kefahaman terhadap format akademik, pengurusan masa serta sokongan dan bimbingan pensyarah – didapati bahawa secara keseluruhan pelajar menunjukkan tahap penguasaan tinggi, namun masih terdapat beberapa aspek yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan. Bahagian yang menunjukkan prestasi konsisten ialah struktur penulisan dan sokongan pensyarah, manakala aspek pengurusan masa mencatatkan skor yang paling rendah dengan hanya tahap sederhana. Penemuan ini mencerminkan keperluan untuk melaksanakan intervensi bersasar yang bukan sahaja berbentuk latihan kemahiran teknikal penulisan, tetapi juga bimbingan dalam pengurusan masa dan pematuhan terhadap etika penulisan akademik.

Beberapa strategi telah dicadangkan dalam kajian ini, antaranya ialah pelaksanaan bengkel penulisan secara berkala, penyediaan templat laporan yang standard, penyusunan semula takwim tugas serta peningkatan penggunaan alat teknologi dalam proses semakan dan maklum balas. Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan sistem sokongan akademik yang lebih menyeluruh dan berfokus kepada keperluan sebenar pelajar.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memenuhi objektifnya dalam mengenal pasti tahap kualiti tugas berlaporan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Dapatan kajian boleh digunakan oleh pihak pengurusan kolej dan pensyarah dalam merangka dasar serta pelaksanaan amalan terbaik dalam penulisan akademik. Untuk kajian lanjutan, penyelidikan secara kualitatif boleh dijalankan bagi mendapatkan data berbentuk pengalaman pelajar dan pensyarah secara mendalam, serta menilai kesan intervensi yang dicadangkan. Melalui pelaksanaan yang berterusan dan komitmen semua pihak, adalah diyakini bahawa mutu penghasilan tugas berlaporan di Kolej Komuniti Selandar akan dapat dipertingkatkan sejajar dengan aspirasi pendidikan tinggi negara..

Rujukan

- Archer, A. (2017). *Using multimodal pedagogies in writing centres to improve student writing*. Stellenbosch Papers in Linguistics Plus, 53, 1–12.
- Britton, B. K., & Tesser, A. (1991). *Effects of time-management practices on college grades*. *Journal of Educational Psychology*, 83(3), 405–410.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Donnelly, R., Kennelly, I., & McAvinia, C. (2022). *A multimodal framework for supporting academic writers' perspectives, practice and performance*. *Teaching in Higher Education*, 29(4), 936–952.
- Elliott, K. M., & Shin, D. (2002). Student satisfaction: An alternative approach to assessing this important concept. *Journal of Higher Education Policy and Management*, 24(2), 197–209.
- Flowerdew, J. (2015). Academic literacy development: A multiple perspectives approach. *Language Teaching*, 48(2), 121–133.
- Hazaymeh, W. A. (2021). *EFL students' perceptions of online distance learning for enhancing English language learning during Covid-19 pandemic*. *International Journal of Instruction*, 14(3), 501–518.
- Hyland, K. (2016). *Teaching and researching writing* (3rd ed.). Routledge.
- Hyland, K. (2018). *Metadiscourse: Exploring interaction in writing* (2nd ed.). Bloomsbury Academic.
- Malecka, E., et al. (2022). *Technology-enabled higher education academic writing feedback*. *Australasian Journal of Educational Technology*, 38(6), 1–15.
- Ng, W. (2012). Can we teach digital natives digital literacy? *Computers & Education*, 59(3), 1065–1078.
- Nicol, D. J., & Macfarlane-Dick, D. (2006). *Formative assessment and self-regulated learning: A model and seven principles of good feedback practice*. *Studies in Higher Education*, 31(2), 199–218.
- Owlia, M. S., & Aspinwall, E. M. (1996). A framework for the dimensions of quality in higher education. *Quality Assurance in Education*, 4(2), 12–20.
- Sutherland-Smith, W. (2008). *Plagiarism, the Internet, and student learning: Improving academic integrity*. Routledge.
- Wingate, U. (2012). 'Argument!' helping students understand what essay writing is about. *Journal of English for Academic Purposes*, 11(2), 145–154.